

Kesan Aplikasi Rangkaian Sosial Terhadap Pengguna Internet

Oleh Syahrir Mat Ali dan Fatin Hasnan

Pengenalan

Musim silih berganti dan zaman kian berubah. Penggunaan Internet di kalangan masyarakat dunia semakin meningkat dengan pesatnya dan seterusnya mula mengubah cara hidup mereka.

Kini terdapat pelbagai kemudahan perkhidmatan rangkaian jalur lebar yang memudahkan akses kepada Internet yang rancak dipromosikan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan internet (ISP).

Menurut penyelidikan yang dibuat oleh IDC Research, pengguna Internet di Malaysia telah menjangkau 16 juta orang dan angka tersebut dijangka akan melonjak ke 20.4 juta orang pada tahun 2012.

Kepenggunaan aplikasi rangkaian sosial di Malaysia pula telah mencatat sebanyak 66% pada bulan Disember 2008 iaitu di tangga ketiga selepas Singapura dan Korea Selatan dengan masing-masing mencatat 74.3% dan 68%.

Aplikasi Rangkaian Sosial

Penggunaan aplikasi rangkaian sosial atau *social networking application* telah mula menular sehingga telah menjadi bagaiakan satu budaya dan santapan harian bagi sebahagian besar pengguna Internet di seluruh dunia. Laman web aplikasi rangkaian sosial semakin bercambah sehingga mula mendominasi carta dari segi jumlah pelawat yang melayari alam siber dan dunia komunikasi maya.

Sehingga kini, terdapat sejumlah 170 rangkaian sosial interaktif yang terkenal dan aktif digunakan di seluruh dunia seperti Facebook, Twitter, Friendster, MySpace, Tagged dan sebagainya.

Facebook yang mendakwa memiliki sejumlah 350 juta pengguna dari segenap pelosok dunia, kini menyimpan lebih daripada 10 bilion gambar yang dikongsi oleh pengguna-pengguna laman rangkaian sosial tersebut.

Berdasarkan statistik dari sumber *Alexa* dan *Google Ad Planner*, laman rangkaian sosial Facebook telah dikunjungi oleh kira-kira 6.2 juta pengguna Internet di Malaysia dan kira-kira 4.2 juta pula mengunjungi laman Friendster. Rangkaian sosial interaktif MySpace pula dikunjungi oleh 2.1 juta pengguna Internet di Malaysia manakala Twitter menerima kira-kira 750,000 pengunjung.

Walaupun fenomena rangkaian sosial global yang popular seperti Facebook telah mula menembusi pasaran dunia, terdapat juga beberapa aplikasi rangkaian sosial tempatan yang menawarkan kandungan dan perkhidmatan tempatan yang aktif digunakan seperti eKawan, Ruumz, GoEatOut, Circles99, FriendX, eMeiMei serta Pacmee.

Impak Terhadap Masyarakat

Kebanyakan perkhidmatan rangkaian sosial menyediakan ruang bagi penggunanya untuk meletakkan maklumat peribadi seperti nama penuh, alamat rumah, nombor telefon dan maklumat penting yang lain. Ciri yang asalnya bertujuan membantu memudahkan pengguna satu-satu perkhidmatan rangkaian sosial berkenalan dan berhubung telah secara tidak langsung mendedahkannya

kepada risiko kecurian maklumat pengguna oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Laporan yang dikeluarkan oleh Sumber Media, Markmonitor bagi suku pertama tahun 2009 menunjukkan peningkatan hampir 240% terhadap serangan *phishing* di Amerika Syarikat yang ditujukan terhadap perkhidmatan rangkaian sosial.

Menurut Ketua Pegawai Pemasaran Markmonitor, Frederick Felman, serangan *phishing* ini merupakan salah satu inovasi terbesar. Perkhidmatan rangkaian sosial menjadi sasaran utama penggodam Internet lantaran ia menyimpan banyak maklumat peribadi pengguna yang sangat bernilai. Setiap maklumat peribadi tersebut dikatakan boleh dijual di pasaran gelap pada harga USD 1.

Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama pernah memberi amaran kepada golongan remaja di Amerika Syarikat mengenai kesan buruk akibat mendedahkan terlalu banyak maklumat peribadi di dalam laman rangkaian sosial memandangkan aplikasi tersebut kini menjadi wadah rekreasi kepada remaja masa kini.

Selain itu, syarikat perisian antivirus F-Secure turut melaporkan tentang peningkatan risiko perisian berbahaya (malware) dalam perkhidmatan rangkaian sosial berikutan peningkatan serangan sebanyak 100% pada tahun 2007. F-Secure meramalkan penghasilan perisian berbahaya akan terus meningkat pada tahun 2008 dan 2009.

Terdapat juga perisian berbahaya yang menyamar seperti tampilan keselamatan (security patch) untuk memperdayakan pengguna perkhidmatan rangkaian sosial agar memuat turun dan memasangnya.

Hampir kesemua aplikasi rangkaian sosial tidak memiliki kaedah untuk mengesahkan umur sebenar setiap penggunanya, melainkan dinyatakan secara sukarela oleh golongan pengguna yang mendaftarkan diri.

Ini mendedahkan golongan pengguna kanak-kanak kepada risiko masalah pedofilia iaitu salah laku seksual antara golongan dewasa dan kanak-kanak apabila pengguna dewasa boleh menyamar sebagai kanak-kanak dan menjalin hubungan dengan mereka.

Kebanyakan aplikasi rangkaian sosial membenarkan pengguna meninggalkan komen pada catatan atau gambar pengguna lain. Kemudahan ini telah membuka ruang berlakunya kejadian buli dan gangguan siber. Bahkan, masalah buli dan gangguan di dunia siber telah dilaporkan menjadi penyebab kepada satu kejadian bunuh diri dan peras ugut.

Keeley Houghton, seorang remaja, menjadi individu pertama yang dipenjara di Britain kerana membuli di alam siber selepas dia menyiarkan ancaman bunuh di laman rangkaian sosial Facebook.

Kegilaan pengguna Internet, terutamanya golongan remaja, terhadap aplikasi rangkaian sosial telah menjadi sesuatu yang membimbangkan. Misalnya, seorang gadis berusia 17 tahun di Romania yang galak menggunakan

aplikasi rangkaian sosial Twitter telah terbunuuh akibat kejutan elektrik ekoran menggunakan komputer ribanya ketika berendam di bilik mandi.

Aplikasi rangkaian sosial turut dikatakan menjadi penyumbang kepada pelbagai masalah disiplin terutama sekali di kalangan kanak-kanak yang menghabiskan terlalu banyak masa di hadapan komputer sehingga mengabaikan tanggungjawab lain.

Budaya sebegini kelak akan membawa kepada masalah kesihatan mata, postur badan disebabkan kedudukan yang tidak ergonomik dan sebagainya.

Langkah Berjaga-Jaga

Pengguna Internet yang menggunakan aplikasi rangkaian sosial perlu sentiasa peka dan mengambil langkah keselamatan seperti tidak sesekali mendedahkan maklumat peribadi seperti nama penuh, alamat rumah, nombor kad kredit, nombor pin, kata laluan pekerjaan, identiti majikan, maklumat kewangan dan sebagainya di mana-mana aplikasi rangkaian sosial.

Selain itu, setiap pengguna juga perlu berhati-hati dalam memilih dan menerima kenalan yang ditemui dalam rangkaian sosial. Pengguna perkhidmatan rangkaian sosial diingatkan agar tidak mudah percaya dengan identiti yang dipaparkan kerana terdapat pelbagai kes identiti palsu melibatkan orang yang baru dikenali melalui web yang kemudiannya telah membuka jalan kepada berlakunya pelbagai jenayah seperti kes rogol, rompak dan penipuan.

Pengguna juga dinasihatkan agar jangan sesekali klik pada pautan atau menerima dan memasang perisian yang diterima daripada orang yang tidak dikenali. Pengguna perlu sentiasa berwaspada dengan setiap tampilan keselamatan atau muat turun yang disarankan dengan merujuk kepada mereka yang lebih arif.

Fungsi privasi juga perlu diaktifkan pada akaun rangkaian sosial (sekiranya ada) yang digunakan untuk mengawal kumpulan individu tertentu dari boleh melihat maklumat penuh atau gambar-gambar milik pengguna-pengguna yang boleh dijadikan bahan ugutan selain perlu berhati-hati ketika meletakkan mesej dan gambar yang boleh memberikan petunjuk kepada identiti atau lokasi sebenar pengguna.

Kesimpulan

Aplikasi rangkaian sosial dijangkakan akan terus dimanfaatkan oleh pengguna Internet baik bagi tujuan komunikasi mahupun sekadar riadah semata-mata. Ia merupakan suatu perkembangan yang tidak dapat dielakkan.

Namun, mereka perlu diingatkan bahawa perkhidmatan tersebut turut datang bersama pelbagai risiko. Paling utama sekali, para pengguna sebarang aplikasi rangkaian sosial perlu sentiasa berhati-hati dengan maklumat diri yang mereka dedahkan kepada khalayak pengguna yang lain.

Syahrir Mat Ali dan Fatin Hasnan ialah penyelidik di Bahagian Penyelidikan Keselamatan Siber dan Polisi, CyberSecurity Malaysia. Kenyataan

dan pandangan yang terdapat di dalam artikel ini adalah pandangan peribadi penulis.